

MT timbang syor calon isytihar harta

UM - 9 JUL 2003

Oleh SOPHA SULAIMAN

KUALA NERANG 8 Julai — Majlis Tertinggi (MT) UMNO akan menimbang cadangan supaya setiap anggota parti yang dicalonkan untuk pilihan raya akan datang mengisytiharkan harta masing-masing.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menyifatkan cadangan itu sebagai amat baik menjelaskan bahawa cadangan itu bagaimanapun tidak memerlukan sebarang pindaan perlembagaan dibuat oleh UMNO.

"Tidak perlu apa-apa pindaan kerana ia hanya membabitkan urusan pentadbiran," kata Dr. Mahathir selepas melawat projek pembangunan Kota Putra di Durian Burung dekat sini hari ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas

mengenai cadangan Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob semalam bahawa setiap anggota parti perlu mengisytiharkan harta sebelum bertanding dalam pilihan raya umum kelak.

Menurut Khalil, cadangan itu bagi mengelakkan timbul pelbagai isu menjelang pilihan raya umum kelak termasuk kemungkinan calon tersebut akan menyebabkan kekalahan parti.

Ditanya kemungkinan akan ada calon itu mahu menyembunyikan harta pendapatannya dengan meletakkan nama orang lain, Dr. Mahathir menjelaskan perkara itu mungkin akan berlaku.

"Bagaimanapun jika kita dapati kemudiannya berlaku penipuan, kita akan mengambil tindakan terhadap sesiapa sahaja yang melakukannya," kata Dr. Mahathir.